

14 JAN 2004
Lim-Mahathir

MAHATHIR PEJUANG PEMBENTUKAN BANGSA MALAYSIA SEJATI

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad adalah Pejuang Pembentukan Bangsa Malaysia Sejati kerana sentiasa memberi penekanan mengenai pentingnya sikap toleransi di kalangan masyarakat majmuk di negara ini.

Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata Dr Mahathir sering mengingatkan rakyat bahawa masyarakat pelbagai bangsa dan budaya merupakan satu kekuatan dan bukannya kelemahan.

"Dalam sejarah Malaysia belum pernah wujud pemimpin yang memberi begitu banyak penekanan dan mengharapkan pembentukan Bangsa Malaysia sejati melainkan Tun Dr Mahathir," katanya pada majlis jamuan perdana Jasamu Dikenang Untuk Dr Mahathir dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi dan isteri, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri serta pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN).

Sebelum ini pada satu lagi majlis mengenang Dr Mahathir yang bersara pada 31 Okt lepas setelah 22 tahun memimpin negara, Abdullah menggelar Dr Mahathir sebagai "Bapa Pemodenan Malaysia".

Dr Lim yang juga Presiden Gerakan dan pengerusi jawatankuasa majlis itu, berkata Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Dr Mahathir jelas membayangkan hakikat dalam mewujudkan matlamat yang dikongsi bersama menerusi sembilan objektif wawasan terbabit.

Selain pencapaian cemerlang dalam meningkatkan pembangunan dan infrastruktur negara, Dr Mahathir juga telah memainkan peranan penting dalam mengukuhkan peranan Malaysia di arena antarabangsa, katanya.

Dr Lim berkata pemikiran bekas perdana menteri itu masih lagi relevan dan penting dalam mencorak dan membimbing dasar hubungan serantau dan antarabangsa Malaysia.

-- BERNAMA
SHI SAN LAT